

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 22 OGOS 2019

MUKA SURAT: 11

Keputusan inkues Adib 27 September

SHAH ALAM - Mahkamah Koroner di sini menetapkan 27 September depan sebagai tarikh keputusan prosiding inkues berhubung kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim.

Koroner Rofiah Mohamad menetapkan tarikh tersebut selepas mendapati tiada lagi keperluan untuk prosiding inkues itu diteruskan selepas prosiding tersebut ditutup pada 24 Julai lalu.

"Selepas meneliti semua keterangan, tiada apa-apa lagi untuk diteruskan.

"Mahkamah menetapkan tarikh keputusan pada 27 September 2019 jam 10 pagi," katanya di sini semalam.

Pada 24 Julai lalu, Rofiah menutup prosiding inkues berhubung mencari punca kematian Muhammad Adib selepas ia berjalan selama 41 hari.

Keputusan itu sekali gus meno-



lak permohonan pegawai pengendali kes, Faten Hadni Khairuddin yang mencadangkan supaya seorang lagi saksi patologi dipanggil.

Rofiah sebelum itu turut memaklumkan mahkamah berpuas hati dengan keterangan saksi sedia ada.

Prosiding inkues telah bermula pada 11 Februari lalu dengan seramai 30 saksi dipanggil untuk memberi keterangan termasuk beberapa saksi pakar.

Muhammad Adib, 24, yang juga anggota van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan EMRS Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya, parah dalam rusuhan ketika kekecohan di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya pada 27 November 2018.

Selepas 21 hari bertarung nyawa, Allahyarham menghembuskan nafas terakhir pada 17 Disember 2018 di Institut Jantung Negara. - *Bernama*